
Kajian Pendapat Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah daripada Kumpulan Belia

Lampiran 7

Kumpulan Belia

Lampiran 7

Kajian Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah Kumpulan Belia

I. Buku Teks Sejarah Tingkatan 1

Apakah penekanan buku teks?

Buku teks Tingkatan 1 sangat memfokuskan kemunculan Melaka dan seterusnya kebangkitan Kerajaan-kerajaan Melayu. Walaupun tamadun awal serta tamadun Asia Tenggara tetap disentuh, ianya hanya disebut secara ringkas dan tidak dikaji secara mendalam apa-apa sama sekali. Kandungan buku teks boleh dibahagikan seperti berikut:

1. Mukasurat 1-40: Mengapakah sejarah adalah penting
 - i. Zaman Paleolitik dan Neolitik
 - ii. Empayar di Asia Tenggara
2. Laman 41-90: Kemunculan Melaka
 - i. Kesultanan Melaka: Struktur dan aspek berlainan
 - ii. Bagaimana Islam datang ke Melaka
3. Laman 91-100: Ketibaan Portugis di Melaka
4. Muka surat 101-140: Pembentukan dan struktur kerajaan-kerajaan Johor dan Kedah
5. Muka surat 141-180: Pembentukan Selangor dan Negeri Sembilan
 - i. Kehidupan dan budaya Melayu
6. Muka surat 181-200: Malaysia Timur

Seperti yang dapat dilihat, terdapat banyak penekanan kepada kerajaan-kerajaan Melayu, namun bahagian sejarah lain yang penting telah diabaikan. Tiga suku daripada buku teks terdiri daripada Kerajaan-kerajaan Melayu, dan antaranya hampir satu pertiga daripada buku teks adalah berkaitan dengan Melaka. Walaupun bahagian tersebut penting, ia tidak harus berat sebelah sehingga mengabaikan tokoh dan empayar lain yang juga merupakan sebahagian daripada sejarah Malaysia awal. Misalnya masyarakat Orang Asli, Orang Laut dan Kerajaan Lembah Bujang.

Kelebihan buku teks

1. Kami gemar dengan bahagian yang cuba menjelaskan mengapa sejarah adalah penting dan percubaan untuk merapatkan subjek tersebut dengan pelajar.
2. Buku teks juga cuba bertanyakan soalan kepada pembaca. Ini merupakan cara yang baik untuk menulis kerana ia melibatkan pembaca dan membuat dia berfikir.
3. Buku teks penuh dengan fakta. Terdapat banyak maklumat yang terkandung dalam buku ini.

4. Buku ini cuba menghiburkan pembaca dengan banyak gambar dan peta, dan bukannya hanya dipenuhi dengan perkataan.
5. Buku ini memberikan liputan yang menyeluruh terhadap kerajaan-kerajaan Melayu.

Kelemahan buku teks

1. Buku teks tidak seimbang dalam liputan tamadun. Ia sangat tercondong dan hanya menumpukan kepada satu aspek awal sejarah Malaysia. Walaupun mereka adalah penduduk asal Malaysia, hampir tidak ada apa-apa kajian serius ke atas masyarakat Orang Asli.
2. Lingkungan buku teks adalah sangat sempit dan memberi tumpuan semata-mata kepada Malaysia. Selepas bab tiga, hampir tidak ada kajian peristiwa bersejarah di luar Malaysia.
3. Buku teks ini dipersembahkan dengan cara yang membosankan. Fakta-fakta yang sering dikemukakan sama ada dalam bentuk titik. Ataupun dalam bentuk tulisan, ianya dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang berlainan (ekonomi, sosial, dan lain-lain) dan selalu dibentangkan dalam satu senarai. Ini menjadikan kandungan amat sukar untuk tujuan pembacaan serta sukar mengaitkan fakta-fakta tersebut dengan pelajaran secara keseluruhan. Bab dan bahagian-bahagian seolah-olah berputus-putus, padahalnya fakta-fakta tersebut harus disepadukan dalam cerita keseluruhan tamadun.
4. Konteksnya agak berkurangan. Sering kali tokoh-tokoh disebut tanpa penjelasan latar belakang mereka. Ini telah menjadikan petikan tersebut mengelirukan dan kurang relevan. Sebagai contoh, Orang Portugis disebut tetapi tidak menjelaskan siapa mereka. Selain itu, Bugis disebut dan kami diberitahu bahawa mereka adalah pahlawan-pahlawan yang terkenal. Akan tetapi, tiada maklumat latar belakang lain diberikan.
5. Tokoh-tokoh sejarah ada disebut di sini sana, tetapi telalu sepintas dan secara keseluruhannya tidak dapat diingati. Tokoh-tokoh ini sama ada perlu diperdalamkan peristiwa mereka ataupun dikeluarkan.
6. Alangkah lebih baik jika penulis buku bukan terdiri daripada satu bangsa sahaja.
7. Dalam pelajaran Melaka, sepatutnya tidak ada satu pelajaran mengenai "Bagaimana Islam datang ke Melaka". Ini adalah berat sebelah. Seharusnya kandungan patut diberikan kepada agama-agama di Melaka supaya agama lain dan pengaruh mereka di Melaka juga boleh dibincangkan.
8. Terdapat terlalu banyak penekanan terhadap kerajaan Melayu, raja-raja, budaya mahkamah dan permata mahkota mereka. Rasa penderitaan rakyat perlu juga

dirangkumi. Fokus lain seperti pertanian beras yang merupakan sebahagian penting sejarah kita, serta asal-usul bahasa kebangsaan kita juga tidak disebut.

Apa yang seharusnya dirangkumi dalam buku teks

Kami merasakan bahawa buku teks Tingkatan 1 sudah tentu terlalu prejudis dan berat sebelah. Lebih-lebih penting lagi, perspektifnya terlalu sempit. Berbanding dengan tamadun awal, Kerajaan-kerajaan Melayu diasaskan lebih lewat dalam sejarah. Masalah memulakan buku teks dengan Kerajaan-kerajaan Melayu adalah bahawa ia memberikan gambaran bahawa sejarah hanya bermula sekitar tahun 1400SM, iaitu apabila Melaka dibentuk. Padahalnya 50 tahun selepas tahun 1400, Gutenberg telah mencipta mesin cetak!

Kami merasakan bahawa adalah penting untuk memulakan pembelajaran sejarah dengan tamadun awal yang utama. Ini adalah kerana ini dapat memberikan pelajar-pelajar asas yang baik dan konkrit untuk membina pemahaman mereka tentang sejarah. Ia bermaksud kita tidak boleh memuatkan sahaja sejarah kerajaan-kerajaan Melayu di dalamnya kerana tempoh masa tamadun lain adalah terlalu panjang. Sebaliknya, kita boleh mempelajari sejarah masyarakat Orang Asli dan tamadun Asia Tenggara, yang mana kerajaan-kerajaan Melayu juga ditubuhkan di atasnya kemudian. Kami mencadangkan bahawa buku teks hendaklah terdiri daripada:

1. Sejarah dan kita
2. Zaman Paleolitik dan Neolitik
3. Mesopotamia, Babylon
4. Mesir
5. China
6. Tamadun Lembah Indus
7. Yunani
8. Rom sehingga kejatuhan Empayar Rom Barat
9. Asia Tenggara (bab panjang)
10. Orang Asli, Orang Laut

Bagaimana sejarah harus diajar

1. Fakta dalam buku teks tidak perlu dibentangkan sebagai fakta tetapi ditunen ke dalam kisah
2. Gunakan dokumentari Saluran TV Sejarah
3. Lawatan ke muzium yang mempamerkan barangan sejarah awal
4. Projek Piramid yang dibuat dengan kertas dan kampung olok-olok. Projek merupakan cara yang baik untuk melibatkan pelajar Tingkatan 1 dalam sejarah dan menjadikan pembelajaran Sejarah menarik. Sudah tentu mereka akan belajar banyak.
5. Melawat tempat-tempat bersejarah dalam negeri. Pelajar-pelajar akan dapat mengalami sejarah Malaysia dan bukan hanya sekadar membaca sahaja.

6. Pelajar juga harus ditanyakan dengan soalan subjektif, dan bukan semua soalan yang bersifat objektif. Ini akan melatih mereka untuk berfikir secara kritikal dan membolehkan mereka untuk meluahkan pendapat mereka. Ini akan menjadikan sejarah relevan dan bukan fakta semata-mata untuk tujuan penghafalan sahaja.

II. Buku Teks Sejarah Tingkatan 2

Apakah penekanan buku teks?

Penekanan buku teks adalah penjajahan Tanah Melayu oleh British, bermula dengan Perjanjian British Belanda pada tahun 1824, sehingga sebelum pencerobohan Jepun Malaysia pada tahun 1941. Berhubung dengan rakyat Malaya, bagaimana kedudukan strategik Tanah Melayu telah mengakibatkan eksploitasi British, dan bagaimana semangat nasionalisme bermula.

1. Bab Satu (muka surat 1-24) mendedahkan bagaimana British menguasai Negeri-Negeri Selat.
2. Bab Dua (muka surat 26-50) menjelaskan bagaimana perbalahan dalaman di kalangan raja-raja dan ketua-ketua Melayu membuka peluang kepada British untuk mengambil-alih Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, dan seterusnya menguasai kekayaan negara.
3. Bab Tiga (muka surat 52-71) menunjukkan bagaimana British menguasai seluruh Semenanjung melalui tipu muslihat serta dengan pelantikan penasihat British.
4. Bab Empat (muka surat 73-97) membincangkan pemerintahan Sarawak di bawah James Brooke, dan pengeksploitasian sumber serta pemodenan negara.
5. Bab Lima (halaman 99-121) menerangkan bagaimana British mengeksploitasi sumber-sumber Sabah melalui Syarikat Borneo Utara British.
6. Bab Enam (muka surat 123-159) meneliti eksploitasi sumber-sumber semenanjung, serta pengenalan orang Cina dan India sebagai pelombong dan penoreh getah masing-masing. Ia juga mengkaji perbezaan ekonomi dan sosial yang disebabkan oleh dasar British antara kumpulan etnik.
7. Bab Tujuh (halaman 160-194) mengulaskan penderitaan dan penghinaan penjajahan dan penindasan kerajaan kolonial terhadap rakyat.
8. Bab Lapan (muka surat 196-226) menjelaskan sejarah kebangkitan nasionalisme di negara ini sebelum Perang Dunia II.

Adakah ianya berat sebelah?

Adalah ketara bahawa buku teks menerangkan sedikit sahaja tentang penjajahan Tanah Melayu oleh British, dan gagal menerangkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di seluruh dunia jua.

Apakah kelebihan/kelemahan buku teks?

Buku ini adalah terperinci dan disertakan dengan graf, carta, gambar, sebut harga, dan lukisan supaya teks menjadi kurang membosankan. Terdapat juga soal selidik pada akhir setiap bab untuk membantu pembaca mengingati apa yang telah dipelajari.

Walau bagaimanapun, buku tersebut memburukkan penjajahan British melalui nada tulisan serta beberapa lukisan kartun.

Terdapat rujukan yang terhad terhadap Kaum Cina atau India walaupun mereka membentuk sebahagian besar daripada penduduk pada masa itu.

Dari segi reka bentuk, halaman buku berwarna merah jambu dan menjadikannya sukar membaca. Terdapat juga bahagian yang mana pengisian maklumat terlampau banyak, terutamanya apabila terdapat kotak, carta dan gambar yang banyak pada halaman yang sama. Maklumat penting harus diketengahkan. Format buku ini perlu dikaji semula.

Pautan internet juga harus disemak semula kerana ada beberapa pautan yang telah tidak berfungsi.

Apa yang seharusnya dirangkumi dalam buku teks

Selain daripada penjajahan Tanah Melayu oleh British, buku teks juga harus merangkumi pengaruh lebih awal yang memainkan peranan dalam pembentukan tersebut dan antaranya adalah Portugis dan Belanda.

Empayar British yang memainkan pengaruh besar ke atas Malaysia perlu dihuraikan. Tanah jajahan mereka yang lain dan perkembangannya adalah menarik untuk dibaca.

Di samping Empayar British, terdapat negara-negara lain yang menjajah bahagian lain di dunia. Adalah amat penting mengetahui pengetahuan lebih lanjut mengenai imperialisme dan bagaimana ia membentuk dunia hari ini. Mungkin kita boleh bermula dengan Zaman Penerokaan, tetapi dengan memberi tumpuan kepada Empayar British sehingga sebelum Perang Dunia Kedua. Selain daripada peristiwa penting, Abad ke-19 juga dikenali dengan tokoh-tokoh terkenal yang mencapai kemajuan besar dalam bidang sains, seni dan muzik.

1. *Frederic Chopin*
2. *Ludwig van Beethoven*
3. *Piotr Ilyich Tchaikovsky*
4. *Alexander Graham Bell*
5. *Thomas Edison*
6. *Alfred Nobel*
7. *Louis Braille*
8. *Marie Curie*
9. *Vincent Van Gogh*
10. *Édouard Manet*
11. *Claude Monet*
12. *Abraham Lincoln*
13. *Karl Marx*

Ini boleh ditambahkan dalam hujung bab, mungkin untuk membolehkan orang ramai melihat bagaimana penemuan mereka telah memberi kesan kepada dunia.

Bagaimana Sejarah harus diajar?

Lawatan ke muzium. Ia menyediakan cara alternatif kepada murid-murid untuk belajar. Mereka dapat melihat objek di hadapan mata dan membantu peringatn mereka. Penggunaan media seperti video juga digalakkan.

Sejarah tidak perlu diajar hanya melalui pengejaran kelas atau melalui buku teks semata-mata. Ia perlu diperlengkap dengan perbincangan, serta bahan-bahan lain seperti internet, Autobiografi, atau fiksyen sejarah (Pada masa yang sama ianya tidak semestinya tepat dari segi idea dan gambaran).

Pelajar juga perlu diberikan peluang untuk membentuk kesimpulan dan pendapat sendiri. Ini adalah kerana ia akan meningkatkan keupayaan mereka untuk menilai dan menganalisis, dan bukan sekadar mengimbas fakta sama sahaja.

III. Buku Teks Sejarah Tingkatan 4

Apakah penekanan buku teks?

Perkembangan tamadun

Kebanyakan bab-bab dalam buku teks menyentuh bagaimana tamadun bermula dan diperkembang untuk membentuk masyarakat kompleks yang kita kenali hari ini. Beberapa bab-bab pertama menggariskan permulaan tamadun. Kemudian bab seterusnya mendedahkan bagaimana tamadun berkembang menjadi struktur kompleks. Sumbangan tamadun lama dalam kemajuan masyarakat juga turut disentuh. Walau bagaimanapun, bab terakhir buku ini kelihatan agak tak selanjat dengan tema keseluruhan buku.

Pecahan topik

1. Kemunculan tamadun - 36 halaman
2. Pembangunan tamadun- 34 halaman
3. Tamadun awal Asia Tenggara - 27 halaman
4. Kemunculan tamadun Islam dan perkembangannya di Makkah- 19 halaman
5. Kerajaan Islam di Madinah - 24 halaman
6. Pembentukan kerajaan-kerajaan Islam dan sumbangan - 32 halaman
7. Islam di Asia Tenggara- 22 halaman
8. Pembangunan dan pengaruh Islam di Malaysia sebelum penjajahan - 19 halaman
9. Pembangunan di Eropah - 29 halaman
10. Dasar British dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia - 30 halaman

Dalam buku teks ini, jelas bahawa sebahagian besar teks ditumpukan kepada perbincangan tamadun Islam dan bahagian yang lain telah diabaikan. Kira-kira 42.6% daripada buku teks atau 116 halaman khusus untuk pengajaran sejarah Islam. Ini sedikit keterlaluan bagi buku teks Sekolah Kebangsaan. Sebaliknya, hanya kira-kira 4 halaman yang diperuntukkan untuk menjelaskan agama-agama utama lain di negara ini, iaitu dari muka surat 65 hingga 68. Terdapat beberapa bahagian yang menyebut Agama Hindu dan Buddha telah disebar di peringkat awal

Tamadun Asia Tenggara. Ini adalah sesuai memandangkan bahawa kedua-dua agama ini wujud sebelum kedatangan kebanyakan agama moden. Walau bagaimanapun, topik yang berkaitan dengan kedua-dua agama ini jauh lebih sedikit berbanding dengan topik Islam. Ini jelas menunjukkan berat sebelah. Oleh itu, isu komposisi seimbang dalam buku teks ini adalah perkara utama yang perlu ditangani.

Kelebihan Buku Teks ini

1. Mengekalkan tema yang objektif dan konsisten dalam buku teks ini tentang kemajuan tamadun.
2. Menyentuh asal-usul tamadun dan masyarakat awal. Tambahan lagi, ciri-ciri tamadun juga diperjelaskan secara sangat objektif (Aspek-Aspek Peningkatan tamadun)
3. Menggariskan sumbangan penting tamadun awal. Yang menakjubkan, buku teks telah menggariskan sumbangan ilmiah orang Asia, terutama peranan tamadun Islam dalam memelihara dan mengembangkan pengetahuan (Pembentukan Kerajaan Islam dan Sumbangannya - Ibn al-Nafis). Ini adalah penting untuk membolehkan pelajar memahami bahawa ilmu pengetahuan dan pembangunan boleh datang dari mana-mana, dan bukan sahaja dari Barat.
4. Merangkumi idea Renaissance yang sangat menarik dan mengandungi banyak pengajaran yang boleh dipelajari. Misalnya, semangat Renaissance.

Kelemahan Buku Teks ini

1. Bab terakhir tidak mempunyai hubungan banyak berbanding dengan bab-bab lain.
2. Kandungan Islam mengambil terlalu banyak bahagian dalam buku teks.
3. Kandungan Islam mungkin tidak sentiasa relevan.
4. Beberapa topik utama tidak diberi penekanan yang mencukupi.
5. Kekurangan topik global.
6. Mengekalkan pandangan negatif terhadap mana-mana topik penjajah yang menunjukkan berat sebelah.

Apa yang seharusnya dirangkumi dalam buku teks?

1. Kandungan antarabangsa
2. Kandungan buku teks harus memberikan pengagihan yang saksama untuk semua budaya dan agama tetapi dengan mengetengahkan agama rasmi dan status quo

3. Hubungan sejarah dan hari ini
4. Tema objektif yang mapan dan fakta-fakta neutral
5. Kesimpulan pada akhir setiap bab yang menggalakkan pemikiran dan mengulangi pelajaran sebelum

Cadangan topik-topik untuk dimasukkan:

Bab 1: Kemunculan Tamadun Awal Manusia

Kandungan awal cukup relevan dan ringkas. Sehubungan itu, kebanyakan kandungan wajar dikekalkan.

Bahagian pertama Tamadun awal Asia Tenggara (Bab 3) hendaklah dimasukkan ke dalam bab ini. Oleh itu, jenis tamadun/kerajaan awal (pertanian atau maritim) dan nama-nama beberapa tamadun awal di Asia Tenggara boleh dirangkumi secara mudah di sini.

Bab 2: Peningkatan Tamadun

Kebanyakan kandungan adalah tepat dan perlu dikekalkan.

Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan atas hubungan antara kemajuan tamadun dan kemunculan sejarah dalam bab ini. Bab ini menyatakan bahawa Herodotus atau Bapa Sejarah datang dari tamadun Yunani. Namun, Herodotus tidak diberi lebih penghuraian di sini. Oleh itu, satu sub-topik tentang bagaimana kajian sejarah bermula dari kemajuan tamadun perlu dimasukkan ke dalam bab ini.

Sub-topik termasuk penjelasan mengenai:

- i. Mengapa sejarah dianggap perlu pada masa itu? Apakah fungsi kajian sejarah?
- ii. Bagaimana sejarah bermula dengan kajian rekod atau dengan rakaman peristiwa yang bermula pada ketika itu?
- iii. Apakah peristiwa atau tindakan yang menyebabkan Herodotus turut diperingati sebagai Bapa Sejarah?

Bab 3: Kemunculan Adat, Kebudayaan dan Spirituality daripada Tamadun Awal

Bab ini boleh dikaitkan dengan bab sebelumnya untuk menjelaskan perkembangan konsep agama dalam sesebuah tamadun.

Animisme, politeisme, ateisme serta agama-agama dunia hari ini boleh dibincangkan dalam topik ini.

Penerangan mengenai agama masing-masing termasuk:

- 1) Perwujudan dan sejarah agama secara relatif

- 2) Asas agama dan penerangan ringkas mengenai istilah setiap agama (tempat ibadat dan lain-lain)
- 3) Selain daripada agama, pengaruh agama atas tamadun awal serta budaya tempatan dan antarabangsa juga boleh diperincikan. Sebagai contoh, pengaruh agama awal ke atas tarian rakyat tempatan, masyarakat (pendidikan) dan kedaulatan istana boleh dimasukkan ke dalam bab ini.

Bab 4: Kemunduran Tamadun

Ini adalah kesinambungan kronologi bab lalu yang mana kemunduran tamadun akan dibincangkan. Ia adalah salah satu topik yang lebih penting dan perlu diberi penekanan. Ini adalah kerana ia memastikan kita sebagai sebuah negara moden hari ini tidak mengulangi kesilapan sama seperti tamadun yang lalu sehingga mereka mengalami kejatuhan.

Dalam bab ini, perkara-perkara berikut akan diberikan penjelasan:

- i. Suatu penjelasan ringkas mengenai bagaimana tamadun boleh mengalami kemunduran atau kejatuhan (faktor-faktor yang membawa kepada kejatuhan. Sebagai contoh penyakit, ekonomi atau politik)
- ii. Ciri-ciri kemunduran tamadun. Di sini Zaman jahiliyyah di Saudi dan Zaman Gelap di Eropah akan diuraikan lagi bagi mengukuhkan lagi perkara-perkara di atas.

Bab 5: Kebangkitan Tamadun

Sekali lagi, sambungan kronologi bab di atas.

Ini adalah di mana kebangkitan semula tamadun akan diterokai lagi.

Seperti dalam format bab sebelumnya, ini harus bermula dengan penjelasan ringkas mengenai faktor-faktor yang akan membantu kebangkitan tamadun dari kejatuhan (jika ia tidak dihapuskan).

Sub-topik berikutnya maka hendaklah meliputi contoh peristiwa yang menyebabkan tamadun berkembang daripada kemerosotan seperti Zaman keemasan Islam dan Zaman Renaissance. Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada kedua-dua zaman di atas perlu diperincikan.

Bab 6: Sumbangan Tamadun Islam dan Tamadun Eropah

Bab ini akan menjelaskan sumbangan oleh tamadun yang telah dihidupkan semula seperti yang disebut di atas. Sumbangan-sumbangan tersebut perlu disusun mengikut kategori politik, ekonomi dan struktur sosial.

Bab ini akan menghubungkan sejarah dengan inovasi zaman moden.

Bab 7: Kesan Penjajahan terhadap Kemajuan Tamadun

Bab ini merupakan adaptasi bab terakhir dalam buku teks. Bab ini meliputi kesan pencerobohan ke atas tamadun-tamadun, baiknya dari segi kebaikan dan keburukan.

Kesan-kesan boleh disusun mengikut kesan politik, ekonomi dan sosial.

Kandungan dalam bab ini boleh disokong dengan menggunakan contoh-contoh penjajahan British di Malaysia atau negara-negara lain (Amerika Syarikat, penjajahan Sepanyol di Filipina dan negara-negara jajahan Belanda.

Topik ini mungkin menarik dengan pemikiran yang memprovokasikan kerana ia menunjukkan penjajahan yang membawa kepada kesan baik dan buruknya. Sudah tentu, topik ini harus ditulis dengan pendirian yang neutral dan tanpa berat sebelah.

Bagaimana sejarah harus diajar?

1. Masukkan kerja laporan mengenai peristiwa-peristiwa baru-baru dan bagaimanakah ia dikaitkan dengan pembangunan tamadun. Ini akan membolehkan pelajar mendapat gambaran yang lebih praktikal tentang tema utama buku teks ini. Bergantung kepada keutamaan, guru-guru boleh membuat keputusan mengenai kerja-kerja laporan yang berkaitan dengan agama dan budaya tamadun yang sejajar dengan kandungan buku teks.
2. Sekali-sekala, pelajar boleh diminta untuk sekali-sekala menyiapkan tutorial ke atas satu atau dua topik yang diajar dengan bimbingan guru. Bukan sahaja tutorial ini dapat membenarkan pelajar memahami topik-topik ini secara lebih baik, mereka juga akan dapat mengasah kemahiran persembahan mereka yang penting pada masa akan datang.
3. Perbahasan kelas untuk menangani beberapa peristiwa penting dalam Sejarah yang dapat dipelajari oleh semua, misalnya faktor yang membawa kepada Renaissance.

Kaedah pengajaran ini menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif dari pelajar. Kami percaya Sejarah sepatutnya tidak terhad kepada penghafalan fakta-fakta, tetapi juga tentang meningkatkan inspirasi dan membuat tafsiran kita sendiri terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku dahulu. Perbahasan dalam kelas dapat membantu pelajar merumuskan pemikiran dan perspektif mereka serta membolehkan mereka menyatakan pandangan masing-masing melalui cara yang berfaedah.

IV. SEJARAH BUKU TEKS TINGKATAN 5

Apakah penekanan buku teks? Adakah anda mendapati bahagian yang prejudis?

Tiga bab pertama dalam buku teks adalah untuk mendidik pelajar mengenai nasionalisme di negara-negara Asia Tenggara dan seterusnya ditumpukan kepada nasionalisme di Tanah Melayu, kepimpinan pemimpin-pemimpin tempatan dan kesedaran membina sebuah negara. Ia kemudian diikuti oleh lima bab perjuangan untuk membentuk Malaysia dan pembangunan negara ini. Bab terakhir menyentuh isu-isu dunia dan peranan Malaysia dalam badan pertubuhan antarabangsa.

Tiga bab pertama mengenai nasionalisme telah mengambil 95 halaman, lima bab mengenai Malaysia menguasai 139 halaman dan bab yang terakhir itu adalah sebanyak 41 halaman. Walaupun lima bab di Malaysia membentuk sebahagian besar buku teks ini, bab terakhir mengenai sejarah Perang Dunia dan peranan Malaysia dalam badan-badan antarabangsa dan serantau mempunyai halaman yang paling banyak.

Penekanan buku teks adalah untuk mendidik pelajar-pelajar bahawa kepahitan yang dialami oleh generasi lama dalam membentuk Malaysia. Dari segi nasionalisme, pelajar didedahkan terutamanya pemimpin-pemimpin tempatan daripada kaum tertentu. Ini mencetuskan pemikiran yang menjadi tanda tanya bahawa di mana pemimpin-pemimpin lain yang berjuang untuk kaum masing-masing dalam membentuk sebuah negara yang berbilang kaum.

Apakah kelebihan/kelemahan buku teks?

Kelemahan buku teks ini adalah bahawa terdapat beberapa bahagian yang mengulangi kandungan dalam buku teks tingkatan lain. Ini termasuk bab 2.1 iaitu pemimpin tempatan yang menentang British yang telah diajar dalam Tingkatan 2, bab 2.2.5 iaitu nasionalisme semasa kedudukan Jepun di Tanah Melayu yang juga telah diajar dalam Tingkatan 3. Kedaulatan Sultan dalam bab 3 dan Sistem Pemerintahan Negeri Sembilan yang berlainan dalam bab 3.3.4 juga dapat dilihat dalam bab 9 buku teks Tingkatan 1. Pentadbiran Kesultanan Melaka dalam bab 3.2.1 juga boleh dikesan dalam bab 5 Tingkatan 1.

Bab 2.2.3 menceritakan akhbar, majalah dan novel yang menggalakkan nasionalisme dan kesedaran nasionalisme yang bukan wajib bagi seorang pelajar Tingkatan 5. Kandungan tersebut terlalu banyak dan pelajar hanya menghafalnya untuk tujuan peperiksaan.

Bab 2.2.4 menunjukkan berat sebelah. Ia hanya menyentuh masyarakat/kumpulan/kelab Melayu yang memperjuangkan nasionalisme. Konflik antarabangsa, termasuk kedua-dua Perang Dunia, Perang Dingin, blok kapitalis dan komunis yang terkandung dalam bab terakhir buku teks adalah terlalu ringkas.

Isu ini juga timbul dalam Bab 1 buku teks iaitu imperialisme di negara-negara Asia tenggara yang antaranya termasuk Myanmar, Thailand, Indochina dan Indonesia. Maklumat tentang Kesatuan Indochina yang terdiri daripada Kemboja, Vietnam dan Laos juga tidak mencukupi. Laos juga tidak disebut secara terperinci. Pembinaan negara di Barat adalah satu maklumat yang baik dalam buku teks. Walau bagaimanapun, ia dibincang secara umum sekali (Bab 3.1.1).

Kelebihan buku teks Tingkatan 5 termasuk pengenalan Perang Dunia dan peranan Malaysia dalam badan pertubuhan antarabangsa. Walau bagaimanapun, adalah dipercayai bahawa maklumat dalam buku teks mengenai badan pertubuhan antarabangsa dan serantau telah ketinggalan zaman. Walaupun pengenalan Perang Dunia secara umumnya disentuh, pelajar seharusnya mempunyai kefahaman secara mendalam pada peringkat ini. Pilihanraya dalam bab 7.1.4 juga merupakan bahagian baik yang telah dihuraikan dalam buku.

Apa yang seharusnya terkandung dalam buku teks?

Kami mencadangkan bahawa pelajar Tingkatan 5 pelajar harus didedahkan dengan pandangan sejarah dunia yang lebih luas. Antaranya termasuk pelajaran Perang Dunia dan Perang Dingin

secara terperinci. Pelajar juga harus menjadi sedar akan kegawatan yang berlaku pada abad ke-20 dan 21, dan mengetahui peranan Malaysia dalam isu-isu dunia. Ini termasuk konflik Israel-Palestin, tsunami dan isu nuklear Jepun, kesedaran demokrasi di negara kita sendiri dan lain-lain. Kami percaya bahawa sejarah tidak harus merekodkan peristiwa masa lalu sahaja dan semata-mata untuk tujuan peperiksaan. Sejarah harus mampu mengasah minda mereka supaya kesilapan tidak akan diulangi. Berikut adalah pecahan yang lebih jelas daripada apa yang kita fikirkan perlu untuk mewujudkan versi baru bab-bab dalam buku teks untuk Tingkatan 5.

Bab 1: Konflik Dunia

- 1.1. Perang Dunia 1
- 1.2. Perang Dunia 2
- 1.3. Perang Dingin

Bab 2: Kegawatan Abad Ke-20 dan 21

- 2.1. Kebangkitan Komunisme
- 2.2. Revolusi Seluruh Dunia
- 2.3. Perindustrian, Permodalan & Globalisasi
- 2.4. Kesedaran Demokrasi

Bab 3: Penyertaan Malaysia Di Badan-Badan Antarabangsa dan Serantau

- 3.1. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- 3.2. Komanwel
- 3.3. Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)
- 3.4. Kaukus Ekonomi Asia Timur (EAEC)
- 3.5. Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

Bab 4: Peranan Malaysia dalam Isu & Krisis Antarabangsa

- 4.1. Menangani Krisis Ekonomi
- 4.2. Rancangan Malaysia dan Dasar
- 4.3. Pendirian Malaysia atas Konflik Israel-Palestin
- 4.4. Bantuan Malaysia kepada negara-negara lain yang dilanda bencana alam, peperangan, kebuluran, dan sebagainya(Jepun, Afghanistan, Myanmar)
- 4.5. Perlumbaan untuk Senjata Nuklear

Bagaimanakah sejarah harus diajar?

Kami anggap Sejarah seharusnya diajar dengan cara yang lebih 'overhauled', dan tidak berpegang kepada kaedah tradisional. Bagi setiap sub-topik, kita harus mengadakan sesi pembentangan dan folio untuk kumpulan berlainan.

Semasa sesi kelas, pelajar dikehendaki menyediakan satu set soalan untuk bertanya kepada kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk membuat pembentangan. Jika kumpulan itu tidak dapat menjawab, guru harus memberikan penjelasan yang tepat dan terperinci. Selain itu, hanya guru-guru yang berkelayakan dalam pengajaran sejarah boleh mengajar sejarah di sekolah-sekolah.

Dalam kes yang mana guru-guru baru ataupun baru tamat pengajian, mereka perlu menghadiri kursus gaya pengajaran Sejarah berkesan. Ini dapat memastikan guru yang terlatih tidak akan memadamkan minat para pelajar.

Selain itu, folio juga harus diambil kira dalam markah SPM dengan nisbah mungkin 80:20 (20% terdiri daripada folio). Topik hendaklah berdasarkan sejarah semata-mata dan tidak berdasarkan sejarah peribadi keluarga, sekolah, kejiwaan, permainan tradisional, dan lain-lain yang tidak berkaitan. Kami tentu bersetuju bahawa Jabatan Pendidikan harus menyediakan peruntukan kepada sekolah-sekolah untuk menganjurkan lawatan ke muzium, tapak penggalian, bangunan-bangunan bersejarah, dan lain bagi membina minat pelajar. Adalah sukar bagi sekolah untuk menganjurkan program sebegitu dengan pita merah dari segi pemohonan, kelulusan, dan sebagainya yang sedia ada.